



AKHBAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	6/12/2019	MUKA SURAT	:	52
JABATAN	:	PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			



Christina mendengar penerangan Pengurus Program HUTAN, Datu Md Ahbani Abulani selepas majlis perasmian IUCN Mesyuarat Kumpulan Pakar Gajah Asia (AsESG) 2019 di Kota Kinabalu, semalam. (Foto Khairull Azry Bidin/BH)

145 gajah Borneo mati sejak 2010

Sabah laksana program pemulihan drastik galak pembiakan, pemuliharaan haiwan

Oleh Norasikin Daineh
norasikin_daineh@nstp.com.my

Kota Kinabalu: Sebanyak 145 gajah Borneo dilaporkan mati sejak 2010, dengan separuh kematian itu disebabkan luka akibat tembakan atau disyaki akibat keracunan.

Selain itu, sebahagian besar kematian haiwan itu berkenaan berlaku di kawasan ladang kelapa sawit atau hutan simpan.

Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal, berkata beberapa tahun ini berlaku peningkatan konflik manusia-hidupan liar di mana berlaku masalah keseimbangan yang kritikal antara penggunaan tanah untuk habitat kehidupan liar dan aktiviti manusia.

"Ini amat jelas berdasarkan perkara yang berlaku terhadap popula-

si gajah Borneo di mana 145 gajah dilaporkan terbunuh antara 2010 sehingga 2019 dan kebanyakannya gajah itu mati di kawasan ladang kelapa sawit atau hutan simpan yang berhampiran dengan ladang.

"Separuh daripada kematian disebabkan luka akibat tembakan atau disyaki akibat keracunan, manakala selebihnya tidak dapat dikenal pasti puncanya," katanya pada majlis perasmian Kesatuan Antarabangsa Bagi Pemuliharaan Alam dan Sumber Asli (IUCN) Mesyuarat Kumpulan Pakar Gajah Asia (AsESG) 2019 di sini, semalam.

Teks ucapannya dibacakan timbalannya, Datuk Christina Liew.

Mohd Shafie berkata, walaupun begitu, belum terlambat untuk menyelamatkan gajah Borneo melalui program pemuliharaan yang dilaksanakan.

Katanya, selain program pemuliharaan drastik, landskap yang mapan untuk menggalakkan pembiakan populasi gajah di Sabah perlu disediakan, justeru beliau berharap mesyuarat berkenaan dapat membincangkan secara terbuka dan mencari jalan penyelesaian untuk menangani kematian gajah yang semakin mening-

kat di Sabah.

"Kita bersama dengan pakar gajah Asia di dunia yang terdiri daripada saintis, pakar hidupan liar yang membuat penyelidikan, pemantauan dan pemuliharaan dengan matlamat untuk mempromosikan pemuliharaan Gajah Asia.

"Melalui perkongsian pengalaman, kesilapan dan percubaan terbaik terhadap pemuliharaan gajah dan pengurusan konflik manusia dan hidupan liar, saya harap ini sebagai peluang memberi sokongan dari segi teknikal dan nasihat mengenai pemuliharaan jangka panjang untuk gajah Borneo di Sabah," katanya.

Terdahulu, Christina merangkap Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar negeri pada sidang medianya berkata, Santuari Hidupan Liar Kinabatangan yang diwartakan mempunyai keluasan 25,000 hektar.

"Saiz koridor makanan gajah yang dicadangkan akan ditentukan mengikut keperluan penanaman makanan di tempat perlindungan yang khusus bagi haiwan itu.

"Jika perlu, kita boleh menanam makanan gajah di kawasan 25,000 hektar itu sebagai koridor makanan gajah," katanya.